

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD
[BUKIT GANTANG]**

TARIKH : 31 OKTOBER 2016

NO. SOALAN : 31

YB Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah wujud undang-undang yang diguna pakai oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) apabila wang suapan di kembali balik kepada pemberi rasuah maka ia dianggap sudah bersih daripada tuduhan rasuah.

JAWAPAN YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Merujuk kepada Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta SPRM), tidak wujud peruntukan yang

menyatakan sekiranya wang suapan dikembalikan kepada pemberi rasuah maka penerima boleh dianggap telah bersih dari tuduhan rasuah.

Semasa siasatan dijalankan, sekiranya terdapat wang suapan samada dalam bentuk wang tunai, wang dalam akaun, saham, harta alih atau *moveable property* seperti kenderaan, jam, barang kemas dan lain-lain dan harta tidak alih atau *immoveable property* seperti lot tanah, rumah dan lot kedai, SPRM boleh melaksanakan penyitaan wang suapan atau harta-harta tersebut mengikut peruntukan seksyen 33, seksyen 37 dan seksyen 38 Akta SPRM 2009.

Setelah siasatan diselesaikan, SPRM akan mengemukakan Kertas Siasatan kepada Timbalan Pendakwa Raya untuk penelitian dan keputusan. Sekiranya keterangan yang diperolehi dapat membuktikan wang atau harta-harta yang disita adalah diperolehi melalui pelakuan rasuah, maka tindakan pelucuthakan harta boleh diambil terhadap harta-harta yang disita seperti berikut:-

- 1.1 Seksyen 40 Akta SPRM 2009 Pelucuthakan harta apabila pendakwaan dibuat bagi sesuatu kesalahan;
- 1.2 Seksyen 41 Akta SPRM 2009 Pelucuthakan harta jika tiada pendakwaan bagi sesuatu kesalahan;

Sekiranya tidak ada keterangan yang dapat membuktikan wang atau harta yang disita tersebut diperolehi melalui pelakuan rasuah, maka wang atau harta tersebut akan dikembalikan kepada pemunya.

Sekian, terima kasih.